

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DI
UPACARA MEMBUKA MESYUARAT BULAN
BAHASA KEBANGSAAN DI DEWAN BAHASA
DAN PUSTAKA, KUALA LUMPUR PADA 15HB
JANUARI, 1963

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Jawatankuasa Pusat Bulan Bahasa
Kebangsaan dan tuan-tuan sekalian yang hadir,

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Tuhan yang Maha Kuasa yang memperkenankan pertemuan kita pada hari ini untuk bermuafakat bagi meneruskan usaha-usaha kita yang sangat penting dan mustahak berhubung dengan rancangan memperkembangkan dan meluaskan pemakaian Bahasa Kebangsaan kita.

Tuan-tuan sekalian mengetahui bahawa tanggungjawab dan usaha-usaha kita dalam lapangan ini adalah berat dan jika kita berkehendakkan kejayaan yang sepenuhnya mustahaklah kita memikul beban ini bersama-sama. Akan tetapi, saya yakin dan percaya dengan adanya tuan-tuan bersama, perundingan di atas perkara ini pada hari ini, dapat kita meneruskan pergerakan kita sehingga tercapai tujuan yang matlamat. Perjuangan menggunakan Bahasa Kebangsaan ini adalah satu cadangan yang besar dalam perjuangan kebangsaan kita dan di dalam cita-cita kita hendaklah menubuh suatu bahasa yang kuat dan mempunyai taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negara ini. Saya yakin dan percaya pergerakan kebangsaan yang semacam ini, yang benar halal akan dihargakan oleh Allah Subhanahuwataala.

Usaha mengadakan Gerakan Bahasa Kebangsaan ini sudah tiga kali diadakan dan sekarang masuklah kepada kali yang keempat. Sepatutnya hal ini sudah menjadi kelaziman dan setiap golongan **dan** peringkat rakyat **akan** melaksanakannya dengan **tidak** perlu menerima sebarang arahan lagi. Tetapi oleh kerana—dari segi

amalan—apa yang kita dapati sekarang pada keseluruhannya belum begitu memuaskan, maka usaha ini terpaksa kita teruskan lagi.

Bagaimana pun setakat ini, saya merasa puas hati melihat kemajuan telah dicapai dengan setengah-setengah pejabat kerajaan dan sudah ada pun pejabat-pejabat yang menggunakan steno yang boleh mengambil rencana dalam bahasa Melayu. Kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, khususnya kepada yang bukan Melayu, yang telah berusaha menggunakan Bahasa Kebangsaan dalam urusannya sehari-hari, saya berasa besar hati menyampaikan ucapan tahniah, semuga langkah yang baik dan bersemangat ini akan menjadi ikutan ramai.

Tetapi sebaliknya saya merasa kurang senang sedikit kerana ada lagi pegawai Melayu sendiri yang masih menggunakan bahasa Inggeris dalam surat menyurat dan urusan kerajaan yang boleh diperbuat dan dijalankan di dalam Bahasa Kebangsaan. Demikianlah juga dalam lapangan perusahaan dan perdagangan kita belum lah mencapai kejayaan yang memuaskan hati. Oleh itu kepada mereka ini, saya berharap dan saya berseru supaya memperkuat usahanya bagi menggunakan Bahasa Kebangsaan iaitu bahasanya sendiri dan supaya dapat kita bersama-sama sebagai warga negara Persekutuan melaksanakan rancangan Bahasa kita dengan mendapat kehasilan yang sepenuhnya.

Saya berharap dalam Majlis hari ini, bukan sahaja sebagai Timbalan Perdana Menteri, tetapi juga sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan yang telah ditubuhkan dalam akhir tahun yang lalu. Saya bercadang menjalankan gerakan mengembangkan dan meluaskan penggunaan Bahasa Kebangsaan ini dengan semangat dan kecepatan yang tidak kurang dari yang telah saya kerjakan untuk menjayakan Rancangan Pembangunan Luar Bandar. Saya bercadang hendak mengadakan suatu Bilik Gerakan bagi Bahasa Kebangsaan kita. Di Bilik Gerakan inilah akan tercatat kemajuan-kemajuan yang telah kita capai dari masa ke semasa dalam lapangan dan meluaskan penggunaan Bahasa Kebangsaan kita ini. Di Bilik Gerakan ini saya berharap daripada masa ke semasa bahasa pegawai-pegawai yang bertanggungjawab

bagi melaksanakan pekerjaan ini dapat memberi keterangan dan mengukur kejayaan-kejayaan yang telah dicapai dari semasa ke semasa. Hanyalah dengan mengadakan Bilik Gerakan semacam ini dan dengan kita mengukur kejayaan-kejayaan kita dari semasa ke semasa dapat kita berjalan dengan semangat dan kecepatan yang kita kehendaki dalam melaksanakan rancangan kebangsaan kita ini.

Saya juga berharap kepada Kerajaan Negeri akan menjalankan gerakan seperti itu. Pada masa ini hampir semua negeri dalam Persekutuan telah menubuhkan Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan peringkat negeri. Kepada satu dua buah negeri yang belum lagi menubuhkan Jawatankuasanya, saya berharap supaya menyegerakan penubuhannya, supaya dengan itu nanti gerakan kita akan dapat berjalan dengan lincin dan teratur.

Tuan-tuan sekalian yang hadir,

Pada keseluruhannya ketiga-tiga gerakan Minggu dan Bulan Bahasa yang lalu telah dapat mencapai kejayaan yang memuaskan, hampir seluruh peringkat dan golongan rakyat negeri ini telah memberikan sokongan dan sumbangan menurut kesanggupan masing-masing. Saya mengambil peluang pada hari ini mengucapkan terimakasih kepada segala pihak yang telah berkorban masa dan tenaga bagi menjayakan ketiga-tiga gerakan itu. Demikian juga terimakasih saya kepada pihak akhbar yang sentiasa memberikan kerjasama serta perhatian yang berat terhadap usaha ini. Tetapi satu hal yang perlu diingat, bahawa yang menjadi matlamat kita bukanlah semata-mata kejayaan dalam masa gerakan itu dijalankan sahaja. Apa yang kita kehendaki ialah amalan penggunaan bahasa itu pada sepanjang masa dan waktu. Kejayaan dalam masa bulan bahasa sahaja tidaklah memberikan apa-apa erti, kiranya selepas Bulan Bahasa itu keadaan kembali seperti lama juga.

Sekali lagi saya tegaskan, bahawa usaha mengadakan Bulan Bahasa ini bukanlah satu usaha untuk menunjuk-nunjuk atau merupakan satu peraduan semata-mata, tetapi adalah dimaksudkan

untuk menjadi tenaga penyedar dan tenaga pendorong yang sihat untuk mengukuhkan semangat dan menghebatkan daya usaha kita menuju ke matlamat yang sudah kita tetapkan.

Pihak kerajaan telah mengadakan banyak kemudahan dan memberikan banyak pertolongan untuk memudahkan usaha mempelajari dan melaksanakan pemakaian Bahasa Kebangsaan ini. Untuk pegawai-pegawai kerajaan yang bukan Melayu kerajaan telah mengadakan satu kursus khas dengan percuma, sedangkan dalam kelas-kelas lanjutan, pelajaran Bahasa Kebangsaan telah lama diberikan dengan percuma juga.

Untuk orang-orang dewasa kita telah mengadakan kelas-kelas pelajaran dewasa dan untuk sekolah-sekolah, kerajaan telah berusaha dengan giat melengkapkan buku-buku dan guru-guru yang boleh mengajar dengan Bahasa Kebangsaan

Dalam aliran pelajaran kebangsaan, untuk pertama kalinya peperiksaan Tingkatan V telah pun dijalankan seluruhnya dalam Bahasa Kebangsaan pada akhir tahun yang lalu; dan pada tahun ini bahasa pengantar Melayu untuk Tingkatan VI akan dimulakan.

Kelemahan-kelemahan yang masih terdapat dalam sekolah-sekolah aliran Kebangsaan sedang diatasi dengan bersungguh-sungguh. Dan pada umumnya nilai Bahasa Kebangsaan dalam usaha mencari mata pencarian sehari-hari semakin meningkat apabila kerajaan—dalam mengambil pegawai-pegawai serta kakitangannya yang baharu—menetapkan kebolehan Bahasa Kebangsaan sebagai salah satu syarat yang utama. Dan kita amat berharap juga, supaya pihak yang berkuasa di lapangan perdagangan dan perusahaan akan mengikut jejak langkah kerajaan ini, ketika hendak mengambil pegawai-pegawai serta kakitangannya yang baharu.

Jadi sekarang, terpulanglah kepada kita semua, rakyat yang telah mengaku taat setia kepada negeri ini untuk melaksanakan Bahasa Kebangsaan dalam penghidupan dan tugas kita sehari-hari

Bahasa Melayu sekarang, bukanlah lagi bahasa kepunyaan orang Melayu sahaja. Bahasa ini ialah untuk semua rakyat negeri ini daripada semua bangsa. Oleh itu saya berharap, kita semua

akan bersungguh-sungguh melaksanakan usaha-usaha untuk memperkembangkan penggunaan Bahasa Kebangsaan yang kita telah akui dalam Perlembagaan.

Kepada seluruh pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan kerajaan sukalah saya menegaskan, bahawa sesungguhnya, lapangan pertadbiran, adalah merupakan salah satu lapangan yang penting kedudukan dan peranannya dalam usaha mengembang dan meluaskan penggunaan Bahasa Kebangsaan kita. Kepada kejayaan pemakaian bahasa di lapangan pentadbiran inilah terletaknya salah satu faktor yang akan menentukan, samada rancangan kita hendak mendaulatkan Bahasa Kebangsaan dengan sepenuhnya pada tahun 1967 itu berjaya atau tidak. Sebab itu hendaknya seluruh kakitangan kerajaan, terutama sekali orang-orang Melayu sendiri hendaklah menjadikan dirinya sebagai contoh tauladan dan pemimpin serta petunjuk dalam usaha melaksanakan pemakaian Bahasa Kebangsaan ini. Janganlah kita mengharapkan orang lain akan menghormati dan menggunakan bahasa kita kalau kita sendiri tidak mengamalkannya dengan jujur dan bersungguh-sungguh.

Oleh kerana lapangan pentadbiran ini adalah satu lapangan yang penting maka saya berharap dan berseru kepada pegawai-pegawai tinggi kerajaan untuk memimpin pegawai-pegawai serta kakitangan di bawah tadbirnya supaya menggunakan Bahasa Kebangsaan dalam urusan mereka sehari-hari dengan seberapa yang boleh. Pada akhirnya, saya berharap persidangan hari ini dapatlah tuan-tuan bincangkan acara-acara yang patut dijalankan dalam Bulan Bahasa Kebangsaan tahun ini supaya benar-benar memberi kesan kepada keseluruhan hidup rakyat negeri ini. Sekali lagi saya berseru, dalam gerakan melaksanakan dan mengembangkan Bahasa Kebangsaan, hendaklah kita gunakan semangat dan kecepatan yang sepenuh-penuhnya dan hanya dengan cara demikian, dapatlah kita melaksanakan cita-cita kita itu dengan sempurna.

Sekarang ini dengan sukacitanya saya mengisytiharkan persidangan ini dimulakan.



Tun Abdul Razak sedang berucap kepada Wakil-wakil Negeri, Setiausaha-setiausaha kepada Kementerian dan Ketua-ketua Jabatan di Mesyuarat Kempen Bulan Bahasa Kebangsaan di Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 15hb Januari, 1963.